



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor

**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor



**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

Learning Fun Games Gamatkan Pengunjung di Karnival Jom Masuk Universiti 2026 Zon Sarawak I

Penulis: Muhamad Nasarudin Sulaiman, Mohd Hafizz Wondi, Mohamad Izwan Ismail, dan Nur Ain Abu Bakar

Kuching, 12 April 2026 — Aktiviti *Learning Fun Games* anjuran staf UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah berjaya mencuri perhatian pengunjung sempena Karnival Jom Masuk Universiti 2026 (JMU 2026), Zon Sarawak I yang berlangsung di Dewan PCC Demak baru-baru ini.

Melalui pelbagai cabaran interaktif menerusi aktiviti *Learning Fun Games*, pengunjung berpeluang menguji minda, kreativiti dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam suasana yang santai dan menyeronokkan. Aktiviti ini dikendalikan oleh empat orang staf akademik UiTM Mukah, iaitu Ts. Dr. Mohamad Izwan Ismail, Cik Nur Ain Abu Bakar, Encik Muhamad Nasarudin Sulaiman dan Ts. Mohd Hafizz Wondi.

Menurut wakil penganjur, pendekatan berbentuk permainan pendidikan dilihat lebih efektif dalam menarik minat generasi muda untuk mendalami bidang akademik serta mengenali peluang pengajian tinggi yang tersedia di universiti awam dan institusi pendidikan tinggi seluruh negara. "Kami mahu pengunjung bukan sahaja memperoleh maklumat berkaitan kemasukan universiti, tetapi turut menikmati pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan interaktif," ujar Ts. Dr. Mohamad Izwan yang merupakan salah seorang staf UiTM Mukah yang terlibat dalam pengendalian aktiviti tersebut.

Selain *Learning Fun Games*, Karnival JMU 2026 turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti konsultasi permohonan UPUOnline®, sesi kaunseling bersama wakil institusi pengajian tinggi awam dan swasta, taklimat pendidikan, aktiviti STEM interaktif, pameran produk inovasi serta cabutan bertuah dengan hadiah menarik.

Reruai UiTM Mukah menerima sambutan yang amat menggalakkan apabila ramai pengunjung mengambil peluang untuk berinteraksi dengan staf akademik dan mendapatkan maklumat berkaitan program pengajian yang ditawarkan.

Penganjuran aktiviti ini mencerminkan komitmen UiTM dalam mendekati masyarakat serta memperkukuh kesedaran mengenai kepentingan pendidikan tinggi. Dengan konsep "belajar sambil bermain", *Learning Fun Games* menjadi antara tarikan utama sepanjang Karnival JMU 2026 Zon Sarawak I.



Kunjungan hormat YB Roland Sagah Wee Inn, Menteri Pendidikan Sarawak, diiringi TNCA dan Rektor UiTM Sarawak ke booth pameran.



Pelajar sekolah mencuba permainan video dan kad bersama rakan semasa pameran berlangsung.

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

